

HARRIFF TAKLUK SIRKIT KETIGA

■ Hariff sasar konsisten setiap kejohanan sebelum Sukan SEA



PELUMBA dilepaskan di petak permulaan.

METRO AHAD (M's) 71

5 JUN 2016

HARRIFF (tengah) bersama hadiah kemenangan.

Azlan Muhammad Zain
azlanmz@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pemenang pingat emas Sukan SEA Singapura 2015 Mohd Hariff Salleh muncul juara Sirkuit ketiga Cabaran Berbasikal FELDA 2016 yang berlangsung di Johor semalam.

Hariff yang juga pelumba Terengganu Cycling Team (TSG) itu tiba di garisan pe-

namat selepas mengharungi perlumbaan sejauh 103 kilometer dengan catatan dua jam 33 minit 43.194 saat.

"Saya perlu konsisten dalam semua kejohanan memandangkan tahun depan Sukan SEA akan berlangsung. Perlumbaan ini sedikit sebanyak membantu saya untuk memperbaiki prestasi semasa.

"jangka hayat pelumba basikal membataskan kemampuan khususnya apabila men-

cecah 31 tahun. Inilah waktu terbaik buat saya membuktikan kemampuan memperoleh sebanyak mungkin kejayaan ketika dalam prestasi terbaik," kata Hariff.

Peserta yang berjaya meraih tempat kedua dalam saingan kali ini ialah Che Ku Mohamad Nazmie Che Ku Romli - pelumba paling muda dalam pasukan TSG.

Pelumba berusia 22 tahun yang baru dua tahun bersama TSG itu meletakkan sasaran untuk terpilih ke perlumbaan Le Tour De

Langkawi 2017 dan mahu menjadikan aksi kali ini sebagai platform menguji kemampuannya.

Pelumba pecut itu mengaku dirinya masih lemah untuk mengharungi aksi di kawasan berbukit dan dia sedang berusaha memperbaiki kelemahan berkenaan.

"Tempat kedua di Bandar Tenggara nanti mempunyai banyak laluan berbukit dan ia akan membantu saya membaiki kelemahan diri," tambahnya.

Ferzalfie Fauzi
ferzalfie@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Perseorangan lelaki negara Datuk Lee Chong Wei (*gambar*) semakin hampir untuk meraih kejuaraan Terbuka Indonesia buat kali keenam sekali gus menyamai rekod yang dilakukan legenda negara berkenaan Taufik Hidayat dan Ardy Wiranata selepas mara ke perlawanan akhir semalam.

Chong Wei yang akan merampas semula ranking nombor satu dunia dari Chen Long (China) tidak berdepan masalah untuk memenangi aksi separuh akhir apabila menumpaskan pemain tuan rumah, Ihsan Maulana Mustofa 21-9, 21-18.

Bagaimanapun, sokongan padu peminat tempatan sedikit menjejaskan rentak Chong Wei di set kedua namun pembawa Jalur Gemi-

lang di Sukan Olimpik 2016 Rio itu menggunakan segala pengalaman yang ada untuk mencatat kemenangan.

“Saya menentang Ihsan

buat pertama kali dan ternyata dia seorang pemain yang bagus sekarang ini selepas mara ke perlawanan akhir, saya cuba untuk

muncul juara esok (hari ini) seterusnya meraih kejuaraan Terbuka Indonesia buat kali keenam,” kata Chong Wei ketika dihubungi Arena Metro.

Menurut jurulatih perseorangan lelaki negara, Hendrawan, anak buahnya itu beraksi seperti biasa di set pertama dan Ihsan kelihatan sedikit tertekan, namun semuanya berubah di set kedua.

“Pada set kedua, Ihsan pula mendapat rentak dan Chong Wei kelihatan kurang selesa, ditambah pula masalah angin dan dia terpaksa bermain dengan berhati-hati,” katanya.

Jelasnya, ketika Ihsan mula mengejar mata, Chong Wei terlalu menjaga bahagian depan sehingga membiarkan

ruang kosong di belakang dan sokongan luar biasa penonton juga sedikit mengganggu fokusnya.

Menanti Chong Wei di perlawanan akhir hari ini ialah pilihan kelima dari Denmark Jan O Jorgensen yang mengalahkan pemain China Tian Houwei 21-14, 18-21, 21-17.

Dalam pada itu, Hendrawan berkata, ranking nombor satu dunia bukan menjadi fokus utama Chong Wei sekarang ini kerana Olimpik Rio lebih penting.

Sementara itu, beregu wanita utama negara, Vivian Hoo-Woon Khe Wei gagal meneruskan rentak cemerlang apabila tumpas kepada pilihan ketiga dari China Tang Yuanting-Yu Yang 15-21, 9-21.



Hampiri gelaran keenam

METRO AHAD (MS) 71..

5 JUN 2016

Hail new speedster

SUNDAY STAR (M.S.) 57

5 JUN 2016

Khairul is first Malaysian to win Asian junior 100m title

By AFTAR SINGH

PETALING JAYA: Khairul Hafiz Jantan created history by winning the gold medal in the boys' 100m at the 17th Asian Junior Athletics Championships in Vietnam.

The 19-year-old clocked a personal best of 10.36 in the final to be the first Malaysian to win the blue riband event in the biennial championships at the Thong Nhat Stadium in Ho Chi Minh City yesterday.

Badrul Hisyam Abdul Manap, who clocked 10.29 to win the gold in the Asean Schools Games in Brunei last December, could only finish fifth in 10.54.

Despite the final being delayed by one hour due to a heavy downpour, Khairul was not flustered. He ran the race of his life to come within 0.06 seconds of the 10.30 national record set by Watson Nyambek in 1998.

Japan's Ippei Takeda won the silver in 10.41 while Abdullah Abkar Mohammed of Saudi Arabia clocked 10.45 to bag the bronze.

Khairul is the second Malaysian to win gold in the biennial meet since its inception in 1986. Two years ago, Siti Nor Atiqah Abdul Razak won the girls' 400m gold in Taipei.

National coach Zainal Abas was overjoyed with Khairul's achievement.

"He could have broken the national record if not for the slippery track. It's a great achievement for Malaysian athletics.

"Our juniors have made tremendous progress and it's good to see we are able to compete against the best Asian sprinters at junior level.

"Although Badrul did not win a medal, he did well to finish fifth," said Zainal.

Khairul, who won the 100m silver at the Asean Schools Games, said he never expected to win the gold.

"I was not even the favourite. But I ran as fast as I could in the final and was surprised to finish ahead of the other runners. This is the best moment of my career," said Khairul.

There was more good news for Malaysia as the boys' 4x100m quartet of Khairul, Badrul, Muhd Haikal Hanafi and Asnawi Hisham clocked the fastest time of 39.94 to qualify for today's final.

Mohd Rizzua Haizad also reached the boys' 110m hurdles final by clocking the second fastest time of 13.87 in the semi-finals.

In the girls' 400m final, Shereen Samson Vallabouy could only clock 59.31 to finish eight. The time was way off Shereen's personal best of 54.26, which she clocked to win the bronze at last year's Singapore SEA Games.

Liu Qun of China was the gold medallist of the girls' 100m after clocking 11.84. Hong Kong's Chan Pui Kei clinched the silver in 11.85 and Thai Chattha Onuma finished third in 11.88.



Glorious outing: Malaysia's Khairul Hafiz Jantan (right) celebrates with team-mate Badrul Hisyam Abdul Manap after winning the 100m gold at the Asian Junior Athletics Championships in Vietnam yesterday.

Populararkan Sukan Petanque

BERITA HARIAN (M/S 15)

5 JUN 2016

Apakah itu petanque (disebut paytong)? Secara jujur, tidak ramai yang tahu apa itu petanque, apa peraturan dan bagaimana caranya ia dimainkan.

Adakah benar petanque ialah permainan boling padang? Kesempatan menemui Ketua Jurulatih Kelab Petanque Negeri Sabah, Abu Bakar Acheh di Jabatan Kementerian Belia Dan Sukan (KBS), Putatan telah menjawab persoalan ini dan ia wajar dikongsi bersama.

"Petanque seakan-akan sukan boling padang, tetapi ia tidak sama," kata Abu Bakar yang percaya ramai beranggapan begitu kerana strategi bagi memperoleh matanya yang menyamai boling padang.

Secara amnya, sukan ini dimainkan secara membalik bola dengan menetapkan arah sasaran dan kebiasaannya, ia dimainkan di atas permukaan berpasir atau jenis permukaan lain.

Petanque merujuk kepada per-

mainan yang berasal dari Perancis dengan menggunakan bola diperbuat daripada logam dan mula diperkenalkan di Malaysia pada penghujung 1989 oleh Yang Dipertua Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz.

Sesuai untuk semua

Pada 1993, sukan ini telah diiktiraf KBS sebagai acara sukan baharu dalam kategori Sukan Untuk Semua. Kini petanque dimainkan di beberapa negara Eropah Timur dan Asia seperti Thailand, Vietnam, Kemboja, Laos, Jepun serta Singapura dan mula dipertandingkan di Sukan SEA sejak 2001.


Ahli Jawatankuasa Persatuan Petanque Sabah, Hazalenah Md Diasin pula mempunyai penjelasan ringkas iaitu petanque bermaksud meletakkan kedua-dua kaki bersama. Pemain boleh membalik mengikut cara mana yang anda digemari tetapi jangan

sesekali mengangkat kaki ketika membalik bola.

Lazimnya ia membabitkan kategori perseorangan, beregu dan bertiga. Setiap pemain perseorangan atau beregu akan diberikan tiga bola atau disebut boule manakala bagi kategori bertiga, setiap individu diberikan dua boule.

Sukan petanque sebenarnya sesuai untuk sesiapa saja tanpa mengira umur bahkan ia juga sesuai sebagai riadah.

Saya bersetuju dengan pendapat Abu Bakar dan Hazalenah yang mengharapkan supaya lebih banyak gelanggang petanque dibina demi kecemerlangan atlet dan lebih ramai atlet pelapis diketengahkan kerana sukan ini turut dipertandingkan di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) serta kejohanan terbuka.

 **Nuraisyah Yahaya**
Pelajar tahun 2 Sains Sukan
Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Fakta nombor

650-800 GRAM

Berat bola logam yang dibenarkan

6-10 METER

Jarak balingan yang mesti dibuat



Pasukan dodgeball negara muncul naib juara pada kejohanan Piala Dunia Dodgeball di Manchester, April lalu.

Sukan Dodgeball cari pelapis baharu

BERITA HARIAN (M/S) 15.1

5 JUN 2016

Sukan Dodgeball sebenarnya bertapak di Malaysia sejak lapan tahun lalu, namun masih tidak begitu dikenali kerana lebih tertumpu kepada Lembah Klang serta beberapa negeri lain.

Menyedari perkara ini, Malaysia Dodgeball Federation (MDF) ditubuhkan pada 4 Januari 2016 untuk mengembangkan lagi sukan Dodgeball ini di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Walaupun MDF ini masih baru ditubuhkan tetapi hampir kesemua ahli jawatankuasanya berpengalaman sama ada sebagai pemain dan juga pentadbir Kelab Dodgeball.

Kami telah merangka beberapa perancangan untuk tempoh dua tahun ini. Disebabkan usia MDF yang masih muda, maka proses mengemaskini sistem pengurusan pentadbiran lebih diutamakan sepanjang tempoh lima bulan pertama penubuhan.

Penyertaan pertama kami di Piala Dunia Dodgeball 2016 di Manchester pada April lalu telah memperoleh hasil yang sangat mengagumkan apabila melangkah ke peringkat akhir menentang England dan muncul naib juara.

Pastinya kejayaan menjadi satu permulaan baik untuk sukan Dodgeball di Malaysia. Kini

kami mula mendapat maklum balas serta pertanyaan mengenai Dodgeball. Kemenangan di pentas dunia ini telah memberi satu lembaran baharu kepada kami.

Jadikan sukan wajib

Kini, kami merancang untuk mengadakan kursus untuk marshal, kejohanan liga Dodgeball pada September ini serta program pembangunan dan jelajah peringkat negeri selain program membentuk pemain pelapis di peringkat sekolah.

MDF juga akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan untuk men-

jadikan sukan Dodgeball sebagai sukan wajib di sekolah, kolej dan universiti.

Sasaran utama kami pastinya ingin mengembangkan sukan ini di peringkat akar umbi sehingga ke peringkat lebih tinggi. Apa yang ingin kami tekankan di sini, MDF akan berusaha untuk menjadikan sukan ini sebagai sukan berprestasi tinggi yang akan layak menyertai Sukan, termasuk SUKMA sehingga ke peringkat Olimpik.

Nozioka Faisal
Setiausaha MDF
merangkap Pengurus pasukan Dodgeball Malaysia